

# TERBUTALINE RESPIRATOR SOLUTION

Terbutaline Sulphate ( 2.5mg/mL)

**Apakah yang ada pada risalah ini**

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution
2. Bagaimana Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

**Apakah kegunaan Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution**

Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution digunakan untuk pengurusan asma bronkial, bronkitis kronik (keradangan saluran udara yang membawa udara ke paru-paru), emfisema (kerosakan berperingkat kepada pundi udara (alveoli) dalam paru-paru) dan penyakit paru-paru yang lain di mana bronkospasma (penyempitan saluran pernafasan ke dalam paru-paru) adalah faktor yang merumitkan.

**Bagaimana Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution berfungsi**

Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil bronkodilator yang membantu membuka saluran udara dalam paru-paru anda supaya anda boleh bernafas dengan lebih mudah.

**Sebelum mengambil Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution****-Bila tidak boleh mengambil**

Jangan ambil Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution:

- Jika anda alergi (hipersensitif) kepada terbutaline sulfat.
- Jika anda alergi kepada sebarang bahan-bahan lain yang terdapat di

dalam Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution.

***Hamil dan menyusukan bayi***

Jangan ambil Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution jika anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau mungkin hamil.

Jangan ambil Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution jika anda sedang menyusukan bayi. Terbutaline diserap masuk dalam susu ibu. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

**-Sebelum mula mengambil Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution**

Bincang dengan doktor anda jika anda mengalami keadaan berikut:

- Jika anda mempunyai diabetes
- Jika anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif
- Jika anda mempunyai keadaan jantung: seperti penyakit jantung iskemik (pengurangan bekalan darah ke jantung), aritmia (denyutan jantung tidak teratur) atau kadar denyutan jantung yang lebih cepat daripada biasa atau angina pektoris (kesakitan dada)
- Jika anda mempunyai tekanan darah tinggi
- Jika anda mempunyai sudut glaukoma tertutup (apabila iris ditolak ke hadapan atau kebelakang menyebabkan penyumbatan sudut saliran mata)

**-Jika mengambil ubat-ubat lain**

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana yang berikut kerana ia boleh berinteraksi dengan ubat anda seperti:

- Penyekat alpha dan beta
- *Aminophylline atau Xanthines*
- Antihipertensi
- *Corticosteroids*

- *Cyclopropane, halothane atau halogenated anaesthetics* (boleh menyebabkan fibrilasi ventrikular)

- Rawatan *Monoamine oxidase* atau 14 hari lepas berhenti ( penggunaan bersama boleh meningkatkan kesan terbutaline ke atas sistem vaskular)

**Cara menggunakan Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution****-Berapa banyak harus digunakan**

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution 2.5mg sedia digunakan tanpa pencairan.

Dos adalah mengikut individu.

Berat badan > 20kg :

5mg (2ml) disedut sehingga 4 kali dalam tempoh 24 jam

Berat badan < 20kg :

2.5mg (1ml) disedut sehingga 4 kali dalam tempoh 24 jam

Jika keseluruhan dos tidak habis digunakan pada satu masa, ia boleh kekal dalam *nebulizer* sehingga 24 jam.

**-Bila perlu digunakan**

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

**-Berapa lama perlu digunakan**

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

**-Jika terlupa menggunakan**

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada

masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

**-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital berdekatan jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada tanda ketidaksesuaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan segera.

Rangsangan reseptor adrenergik yang berlebihan boleh meningkatkan tandatanda dan gejala-gejala yang telah disenaraikan di bawah kesan sampingan ubat dan mungkin disertai dengan kesan adrenergik yang lain.

**Semasa menggunakan Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution**

**-Perkara yang perlu dilakukan**

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda telah hamil semasa mengambil ubat ini.

**-Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

**-Perkara yang perlu diberi perhatian**

Penggunaan ubat ini secara berlebihan pada mukosa hidung mungkin menyebabkan kesesakan hidung dan rinorea (hidung berair) kembali berlaku. Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor anda.

**Kesan-saran sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Semua ubat-ubatan boleh menyebabkan reaksi alergi, walaupun reaksi alergi yang serius amat jarang berlaku. Beritahu doktor dengan segera jika anda mengalami sebarang nafas berdehit secara tiba-tiba, kesukaran bernafas, bengkak pada kelopak mata, muka atau bibir, ruam atau gatal-gatal (terutama yang melibatkan seluruh badan anda).

Kesan-saran sampingan yang berikut telah dilaporkan. Beritahu doktor anda jika terdapat sebarang kesan sampingan yang menjadi masalah:

- Menggeletar atau menggigil
- Kegelisahan
- Kebimbangan
- Gangguan tidur
- Kekeliruan
- Kurang selera makan
- Loya dan muntah
- Berdebar-debar
- Kadar degupan lebih cepat daripada biasa
- Tekanan darah rendah
- Pening
- Pengsan

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius atau jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Terbutaline Respirator Solution**

**-Penyimpanan**

Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 25°C.

Jangan gunakan selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan di atas kotak atau label. Simpan di dalam bekas yang ditutup rapat. Lindungi daripada cahaya.

**-Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa buangan isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

**-Rupa dan warna produk**

Larutan jernih, tidak berwarna

**-Bahan-bahan kandungan**

**-Bahan aktif:**

Terbutaline Sulphate 2.5mg/ml

**-Bahan-bahan tidak aktif**

*Sodium chloride, Purified water, Disodium edetate, Hydrochloric acid*

**-Nombor MAL**

MAL19985984A

**Pengilang**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),

11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),

11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

13/08/2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)150715/00200